

## HALA TUJU TAHUN 2025 KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI



- A. 7 Fokus Utama Tahun 2025 Kementerian Pendidikan Tinggi
- B. 10 Agenda Transformasi Pendidikan Tinggi
- C. Pelan Pendidikan Tinggi Malaysia 2025-2035 (PPTM 2025-2035)



# A. TUJUH (7) FOKUS UTAMA TAHUN 2025

## KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

1. Penyediaan Bakat Terbaik Negara
2. Kewibawaan Akademia Dan Warga Kampus
3. Pemindahan Dan Perkongsian Ilmu
4. Pengantarabangsaan Pendidikan Tinggi
5. Governan Dan Kepemimpinan
6. Kemampanan Kewangan IPT
7. Infrastruktur, Digital Dan Kesejahteraan Kampus

### **FOKUS 1: PENYEDIAAN BAKAT TERBAIK NEGARA**

#### **PROGRAM 1: Teknologi AI: Digital dan Keusahawanan**

- Melakukan semakan kurikulum berasaskan AI untuk memperkenalkan kursus baharu atau menerapkan modul AI dalam kursus sedia ada.
- Graduan perlu dilatih untuk mengenal pasti masalah komuniti dan menjadikannya peluang keusahawanan (*social entrepreneur*) dan perniagaan.

#### **PROGRAM 2: Pemerkasaan *Industry on Campus* (IoC)**

- Memperkasakan dan banyakkkan lagi IoC di dalam IPTA, IPTS, Politeknik dan Kolej Komuniti.
- Melaksanakan secara konsortium antara semua IPT dan secara langsung mengurangkan cara kerja secara "silo".

#### **PROGRAM 3: iFUTURE atau Mahasiswa Negara**

- Menghimpunkan pelajar dari seluruh dunia bagi berkongsi idea serta pandangan intelektual.
- Melahirkan lebih ramai pemimpin dalam kalangan pelajar yang mempunyai identiti dan jati diri kenegaraan.

## **FOKUS 2: KEWIBAWAAN DAN WARGA KAMPUS**

### **PROGRAM 1: Jaringan Pakar MADANI**

- Mewujudkan **Repositori Kepakaran Bersepadu** sebagai platform untuk mengumpul dan menyusun pakar-pakar IPT mengikut bidang tujuhan masing-masing.
- Repositori ini menjadi sumber rujukan kementerian lain dan sektor industri, membolehkan penyelidikan dan kepakaran di IPT digunakan menyelesaikan masalah negara dengan cara yang lebih sistematik dan berimpak tinggi.

### **PROGRAM 2: Program KARISMA: Memperkasa Akademia dan Pentadbir**

- Membekalkan latihan berstruktur dalam pedagogi dan andragogi.
- Melatih pentadbir IPT melalui latihan khusus yang berstruktur.

### **PROGRAM 3: Sabatikal Industri**

- Sabatikal Industri diperkenalkan, di mana pensyarah IPT diberi peluang menjalani sangkutan industri di institusi luar dalam tempoh tertentu.
- Pensyarah dapat membawa pengetahuan industri terkini ke bilik kuliah dan menyesuaikan kandungan kurikulum agar lebih relevan dengan kehendak pasaran.

## **FOKUS 3: PEMINDAHAN DAN PERKONGSIAN ILMU**

### **PROGRAM 1: Sejahtera MADANI: Pemerkasaan Komuniti**

- Memperluaskan impak melalui **Program KPT INSPIRASI: 1 IPT 1 Daerah**, memperkasakan komuniti, membasmi kemiskinan, dan meningkatkan kesejahteraan masyarakat.
- Sistem pemantauan akan dibangunkan bagi menjejaki dan menilai keberhasilan program komuniti KPT secara menyeluruh.

### **PROGRAM 2: Stackable Degree: Membentuk Sistem Pendidikan Fleksibel**

- Ijazah yang diperoleh daripada pengumpulan persijilan berkredit (*stackable credentials*). Persijilan ini melibatkan kursus berkredit jangka pendek dikeluarkan oleh institusi diiktiraf dan boleh dikumpul untuk memperoleh ijazah.

- Pelajar diberi fleksibiliti untuk memilih modul daripada pelbagai IPT, membolehkan mereka membina laluan pengajian yang disesuaikan dengan keperluan peribadi dan profesional.

### **PROGRAM 3: Festival of Ideas (FOI)2025**

- Tahun 2025, FOI akan dianjurkan secara skala penuh dengan penglibatan tokoh-tokoh tersohor, termasuk penerima *Nobel Laureates*.
- Menyemarakkan budaya menghargai ilmu dan memperkukuh kedudukan Malaysia dalam pendidikan tinggi di peringkat global.

## **FOKUS 4: PENGANTARABANGSAAN PENDIDIKAN TINGGI**

### **PROGRAM 1: Program Pelancongan Pendidikan (Edutourism)**

- Program Edutourism akan dirancarkan bersama *Asian International Mobility for Students (AIMS)*.
- Mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pilihan bagi pelancongan dan pendidikan.

### **PROGRAM 2: Pendidikan Rentas Sempadan (Transnational Education – TNE)**

- Reka Bentuk Program: Pembangunan program TNE berkualiti yang memenuhi keperluan pasaran antarabangsa.
- IPT perlu mempunyai Prosedur Operasi Standard (SOP) seragam, dengan penekanan kepada penyampaian program di luar negara dan pematuhan terhadap akreditasi antarabangsa.

### **PROGRAM 3: Malaysia : Hub Pendidikan Tinggi Asean untuk Penyelidikan**

- Mengadakan pelbagai program dan seminar peringkat rantau ASEAN sempena Kepengerusian ASEAN 2025.
- Menjadikan Malaysia sebagai Asean Higher Education Research Centre.

## **FOKUS 5: GOVERNAN DAN KEPIMPINAN**

### **PROGRAM 1: Pelan Pemantapan Kepimpinan**

- Setiap IPT disaran membangunkan pelan pemantapan kepimpinan yang berfokus pada pembangunan nilai, kompetensi, dan kemahiran, sejajar dengan program kepimpinan yang ditawarkan oleh AKEPT.
- Memastikan IPT memiliki pemimpin yang mampu menangani cabaran semasa seperti kemampuan kewangan, tadbir urus, dan pemeliharaan integriti.

### **PROGRAM 2: Program Pengukuhan Integriti**

- Setiap IPT awam perlu melaksanakan Program Pengukuhan Integriti.
- Program ini perlu memberi fokus kepada usaha untuk mempromosi dan memantapkan budaya kehidupan kampus yang berteraskan etika, nilai dan integriti.

### **PROGRAM 3: Pemantapan Mata Pelajaran Umum (MPU)**

- Membentuk pelajar Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) agar mereka mempunyai kefahaman yang tinggi tentang negara melalui subjek-subjek kenegaraan.
- Menyemak dan menambahbaik subjek MPU bagi memberikan tumpuan kepada pembinaan bangsa dan negara.

## **FOKUS 6: KEMAMAPANAN KEWANGAN IPT**

### **PROGRAM 1: Meningkatkan Keuntungan Syarikat Milik Universiti Awam (SMUA)**

- SMUA / Holding perlu menjana pendapatan secara konsisten untuk mengurangkan kebergantungan UA kepada dana kerajaan dan menyumbang kepada kelestarian kewangan IPT.
- Model perniagaan perlu berdaya saing dan mengikut tata kelola.

### **PROGRAM 2: Sumbangan, Endowmen, dan Wakaf**

- Inisiatif ini bertujuan mengurangkan pergantungan kepada dana kerajaan dan memperkukuh kestabilan kewangan universiti untuk jangka masa panjang.
- Mempelbagaikan sumber pendapatan melalui endowmen, wakaf, dan sumbangan dengan mengadakan kerjasama dengan agensi kerajaan yang lain.

## **FOKUS 7: INFRASTRUKTUR, DIGITAL DAN KESEJAHTERAAN KAMPUS**

### **PROGRAM 1: Digitalisasi Kampus**

- Memacu IPT ke arah pendigitalan sepenuhnya dalam pengurusan, pendidikan, pembelajaran, dan perkhidmatan.
- Peningkatan keberkesanan pendidikan, pengurangan kos operasi, dan peluang pembelajaran yang lebih fleksibel serta responsif kepada keperluan pelajar.

### **PROGRAM 2: Kesejahteraan Kampus**

- Program Kesihatan Holistik melibatkan sokongan kesejahteraan mental melalui kaunseling, latihan kesihatan, dan kemudahan sukan bagi mengurangkan tekanan serta memastikan warga IPT kekal berprestasi tinggi.
- Mencadangkan pembangunan Sistem AI untuk Kaunseling (*AI Counsellor*).

### **PROGRAM 3: Inisiatif Green Campus**

- Memupuk prinsip *Green Campus* dan *Zero Carbon Campus* melalui penjimatan tenaga, pengurusan sisa, teknologi hijau, tenaga boleh diperbaharui, serta nilai *planetary health*.
- Inisiatif ini memperkasakan warga IPT untuk menghasilkan penyelesaian SDG yang inovatif.

## **B. 10 AGENDA TRANSFORMASI PENDIDIKAN TINGGI**

### **AGENDA 1: KAJI SEMULA KENAIKAN PANGKAT IPT**

- Khususnya yang melibatkan aturan pinjaman ke agensi dan jabatan lain dalam perkhidmatan awam (selain universiti).
- Menstrukturkan semula keadaan ini agar dapat berlaku adil kepada individu yang berbakti di luar kampus agar pengalaman berkhidmat dan tahap senioriti dapat diiktiraf.

### **AGENDA 2: KENAIKAN PANGKAT AHLI AKADEMIK DI IPT**

- Perbezaan ketara dalam kenaikan pangkat dalam kalangan ahli akademik di setiap IPT yang jelas ketara berbeza.
- Mewujudkan jawatankuasa bagi mengkaji semula dasar dan tahap kenaikan pangkat akademik di setiap IPT agar setara dan tidak terlalu ketara berbeza antara IPT.

### **AGENDA 3: KEBEBASAN BERSUARA DI UNIVERSITI (AKTA 605)**

- KPT telah berbincang dengan Jabatan Perkhidmatan Awam untuk memohon pengecualian universiti awam daripada tertakluk kepada Akta 605.
- Dengan adanya perubahan Pekeliling Pentadbiran akan membolehkan ahli akademik di Universiti Awam mempunyai kebebasan bersuara dalam bidang kepakaran masing-masing.

### **AGENDA 4: KAJI SEMULA AKTA INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA**

#### **1996 [AKTA 555]**

- Cadangan untuk meneliti Akta 555 ini telah dibangkitkan melalui **PEMUDAH IPTS** dan **NRC** bagi memastikan akta tersebut kekal relevan dan berkesan dalam menyokong pembangunan sektor pendidikan tinggi swasta.

- Kajian semula Akta 555 pada tahun 2025 ini akan dilaksanakan secara menyeluruh dengan mengambil kira pelbagai aspek dan pandangan daripada semua pihak berkepentingan melibatkan institusi, pelajar, industri serta badan-badan berkaitan.

### **AGENDA 5: PINDAAN AKTA 550 BAGI POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI**

- Pindaan ini bertujuan untuk memastikan tadbir urus Politeknik Dan Kolej Komuniti (POLYCC) menjadi lebih harmoni dan mewujudkan punca kuasa yang jelas .
- Memacu POLYCC menjadi sebuah IPT berteraskan TVET yang lebih cemerlang dan dinamik.

### **AGENDA 6: MEWUJUDKAN UNIT RDICE DI SETIAP IPT**

- Memberi pemantapan *Unit Research, Development, Innovation, Commercialization, and Entrepreneurship* (RDICE) di setiap IPT bagi menggalakkan kerjasama antara akademik dan industri demi pertumbuhan ekonomi.
- Memacu pemindahan teknologi dan pembangunan syarikat pemula (*startups*), RMC kepada RDICE

### **AGENDA 7: MENKKAJI BEBAN KERJA AHLI AKADEMIK**

- Menerima laporan berkenaan beban kerja pensyarah yang semakin meningkat, satu jawatankuasa akan ditubuhkan mengkaji isu dan masalah ini.
- Mengkaji juga '*clock in*' untuk para pensyarah untuk lebih fleksibel.

### **AGENDA 8: IPT DI BAWAH KERAJAAN NEGERI**

- Mengkaji kedudukan dan kerjasama IPTN di bawah kerajaan negeri dengan KPT dan IPT lain.



## **AGENDA 9: STRUKTUR SEMULA PEJABAT EDUCATION MALAYSIA (EM)**

- Mengkaji dan struktur semula pejabat EM agar lebih bersesuaian dengan jumlah semasa pelajar Malaysia di luar negara.
- Menghubungkan Malaysia dengan negara luar yang lebih strategik.

## **AGENDA 10: PEMUSATAN KEMASUKAN PELAJAR ANTARABANGSA**

- Membangunkan satu sistem untuk kemasukan pelajar antarabangsa ke Malaysia.
- Memastikan sijil yang dihantar melalui permohonan adalah sah dan setaraf dengan kelayakan untuk memasuki ke IPT di Malaysia.

# C. PELAN PENDIDIKAN TINGGI MALAYSIA 2025-2035 (PPTM 2025-2035)

